

**Pembangunan Tamadun melalui Wakaf Keluarga: Analisis dari Perspektif Sejarah Islam  
(Civilizational Development through Family Waqf: An Analysis from Islamic Historical  
Perspectives)**

Mohd Zaidi Daud,\* Mohd Norhusairi Mat Hussin\*\* & Syed Alawi Mahdi Syed Mohamad\*\*\*

**Abstrak**

Islam menganjurkan amalan berwakaf sebagai satu bentuk tuntutan yang digalakkan terutama bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan. Dalam sejarah Islam, praktis perwakafan bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan para sahabat dan pemerintah kerajaan Islam termasuk pelaksanaan wakaf *ahli*/wakaf *zurri* yang juga dikenali sebagai wakaf keluarga. Wakaf keluarga adalah satu bentuk wakaf yang dibuat oleh pewakaf (*waqif*) kepada benefisiari (*mawquf 'alaih*) yang terdiri daripada seorang atau lebih ahli keluarga bagi tujuan kebajikan. Artikel ini meneliti perkembangan sejarah praktis wakaf keluarga daripada perspektif sejarah Islam. Penelitian artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan teks tematik dimana setiap perbincangan akan dibuat secara bertema menerusi sub-sub tajuk yang berkaitan dan sesuai dengan tajuk artikel. Dapatan artikel ini menunjukkan bahawa wakaf keluarga adalah salah satu bentuk wakaf yang telah diterima dan dipraktiskan dalam sejarah dunia Islam. Namun, pelaksanaan wakaf keluarga di beberapa buah negara termasuk Malaysia telah mengalami pelbagai perkembangan yang berbeza selaras dengan keadaan serta keperluan tempatan dan undang-undang di setiap negara.

**Kata kunci:** tamadun, wakaf keluarga, perkembangan, sejarah, Islam

**Abstract**

*Islam promotes the practise of waqf as a platform to help those who are less fortunate and in dire need of assistance. The practise of waqf has been prominent among companions and rulers of the Islamic government throughout history, including the implementation of waqf ahli/waqf zurri, also known as family waqf. Family waqf is a type of endowment made for the benefit of one or more family members by a waqf (waqif) to a beneficiary (mawquf 'alaih). This article examines the development of the family waqf practise from an Islamic historical perspective. It employed the thematic text content analysis where each discussion was structured thematically according to subtopics that correlated to the title. It was found that family waqf is a form of endowment that has been accepted and practised across the Islamic world throughout history. However, the implementation of family waqf in a number of countries, including Malaysia, has changed significantly in accordance with the environmental circumstances, needs, and laws of the respective countries.*

**Keywords:** civilization, family waqf, development, history, Islam

**Pengenalan**

Wakaf keluarga merupakan salah satu bentuk wakaf yang terdapat dalam pensyariaan agama Islam. Walau bagaimanapun, istilah ini tidak wujud pada zaman Rasulullah SAW kerana pada masa tersebut, wakaf dikenali sebagai amalan bersedekah secara sukarela dan tidak terbahagi kepada *khayrī* mahupun *zurri*. Sungguhpun begitu, amalan sedekah dan wakaf kepada kaum kerabat atau ahli keluarga terdekat yang dikenali sebagai wakaf keluarga pada hari ini tetap mempunyai nas syarak sama ada daripada al-Quran, as-Sunnah, Ijmak, mahupun amalan para sahabat. Wakaf merupakan salah satu jalan kebajikan yang disarankan oleh Islam<sup>1</sup> dan sejarah tentang amalan wakaf telah lama wujud dan diamalkan oleh

\* Mohd Zaidi Daud (corresponding author) (PhD), Senior Lecturer, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: zaididaud@um.edu.my.

\*\* Mohd Norhusairi Mat Hussin (PhD), Senior Lecturer, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: husairi@um.edu.my.

\*\*\* Syed Alawi Mahdi Syed Mohamad, Research Assistant, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: samalattas79@gmail.com.

<sup>1</sup> Mohd Zaidi Daud, Hanira Hanafi dan Fauzi Hussin (2022), "Literature on Current Development of Waqf Practices in Malaysia," *Journal of Shariah Law Research*, Jil. 7, Bil. 2, h. 224.

orang terdahulu sebelum wujudnya agama Islam. Walaupun mereka tidak menamakan amalan tersebut dengan istilah wakaf, ianya mempunyai makna yang sama dengan konsep wakaf yang ada dalam syariat Islam. Hal ini dapat dilihat melalui perwakafan masjid seperti Baitul Haram dan masjid al-Aqsa yang telah didirikan sebelum kedatangan Islam serta tempat-tempat ibadah agama yang lain seperti gereja, kuil yahudi, dan biara yang boleh dimanfaatkan oleh sesiapa yang beribadah di dalamnya.<sup>2</sup> Pelaksanaan wakaf keluarga pada zaman Rasulullah SAW juga boleh dilihat menerusi amalan para sahabat seperti Abu Talhah, Zubayr bin Awwam, dan Saidina Abu Bakar al-Siddiq yang telah melakukan wakaf kepada ahli keluarga, anak, serta keturunan mereka.

Permasalahan wakaf keluarga dalam penulisan Islam, terutamanya dalam perbahasan fiqh, banyak dijelaskan secara terperinci oleh para pendiri mazhab muktabarah iaitu Mazhab Shafi'i, Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi, dan Mazhab Hanbali. Dari aspek pelaksanaan, terdapat perubahan yang berlaku dalam amalan wakaf ini yang didorong oleh pelbagai faktor seperti kehadiran penjajah dan pengamanahan harta tertentu dalam kalangan ahli keluarga. Hakikatnya, polemik wakaf keluarga ini berpunca daripada faktor pemahaman konsep wakaf keluarga itu sendiri sebagaimana pemahaman konsep kebajikan menerusi wakaf keluarga telah berubah mengikut keadaan semasa sedangkan perkara-perkara kebajikan adalah untuk memenuhi kebajikan semua pihak secara umum dan tidak bersifat eksklusif atau hanya diperuntukkan kepada pihak-pihak yang tertentu. Sekiranya ini terjadi, konsep kebajikan ini dianggap terbatal dan secara tidak langsung menyebabkan semua wakaf keluarga dilihat sebagai tidak sah. Ini dikuatkan lagi dengan kes-kes yang berlaku dimana wakaf keluarga disalahgunakan untuk mengelak daripada cukai, undang-undang pewarisan, dan diuruskan secara tipu dan pecah amanah. Perkara ini menyebabkan banyak negara Islam mengharamkan wakaf keluarga, termasuk Malaysia dimana wakaf keluarga tidak diwar-warkan secara serius. Walau bagaimanapun, wakaf keluarga masih relevan sebagai usaha menggalakkan umat Islam berwakaf terutama untuk ahli keluarga dalam usaha untuk memelihara kebajikan dan mengukuhkan persaudaraan dalam kalangan mereka. Dalam masa yang sama, wakaf keluarga juga menjadi salah satu mekanisme dan alternatif bagi membantu ahli keluarga dan keturunan pewakaf khususnya daripada jatuh dalam kemiskinan serta penderitaan disebabkan kesempitan ekonomi pada zaman serba mencabar ini.

Penulisan artikel ini akan melihat perkembangan sejarah yang berkaitan dengan pelaksanaan wakaf keluarga terutama dari aspek perundangan. Aspek sejarah penting untuk diteliti bagi memahami praktis sebenar wakaf keluarga yang telah lama wujud dan dibincangkan dalam sejarah perwakafan. Perbincangan artikel ini berasaskan kepada kaedah analisis kandungan teks secara bertema dalam mengupas setiap perbahasan di bawah sub-sub tajuk yang berkaitan. Penulisan ini menggunakan data-data yang diperoleh dari sumber bahan-bahan bertulis seperti kitab-kitab thurath dan kajian-kajian lepas dan dianalisis secara naratif dengan mengklasifikasikan setiap perbincangan dengan tema yang sesuai untuk menjawab kepada perbincangan artikel.

### **Wakaf Keluarga Menurut Perundangan Islam**

Para fuqaha daripada pelbagai Mazhab Muktabarah<sup>3</sup> telah membincangkan tentang perwakafan yang dilakukan oleh pewakaf kepada kaum kerabat dan anak-anaknya iaitu yang lebih dikenali dengan nama wakaf keluarga. Dalam bahasa yang mudah, wakaf keluarga merujuk kepada amalan perwakafan yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga dimana manfaat wakaf tersebut dapat dinikmati oleh ahli keluarga yang dikhaskan. Dengan kata lain, hasil wakaf tersebut tidak akan menjadi milik umum orang Islam sebagaimana konsep wakaf yang asal. Konsep wakaf keluarga timbul apabila terdapat ahli keluarga seperti bapa atau datuk yang mempunyai lebih kewangan dan harta serta ingin membuat kebajikan kepada ahli keluarga yang miskin dan memerlukan. Mereka membuat wakaf dengan niat yang khusus supaya kaum kerabat yang miskin ini dapat dibantu serta mendapat manfaat daripada harta yang diwakafkan tersebut. Oleh yang demikian, kedudukan wakafnya adalah sah, tiada keraguan di dalam perwakafan tersebut, dan tidak perlu dipertikaikan.<sup>4</sup>

<sup>2</sup> Muhammad Abū Zahrah (1959), *Muḥāḍarāt fī al-Waqf*, t.t.p.: Maṭba'ah Aḥmad, h. 7.

<sup>3</sup> Mazhab Muktabarah merujuk kepada Mazhab yang mana ajaran daripada pengasasnya tersebar ke seluruh dunia dan mempunyai rujukan yang masih kekal dan beraliran akidah Ahl al-Sunnah seperti Mazhab Hanafi, Maliki, Shafi'i, dan Hanbali. Adapun Mazhab yang lain juga banyak tetapi ada yang lenyap seperti Mazhab al-Laysh dan juga Mazhab Abdurrahman al-Auza'i dan ada juga yang bukan berdasarkan aliran Ahl al-Sunnah seperti Mazhab al-Ja'fari, Mazhab al-Zaidi, Mazhab al-Imami dan Mazhab al-Ebadhi.

<sup>4</sup> Abū Zahrah (1959), *Muḥāḍarāt fī al-Waqf*, h. 22. Lihat juga Iska, S. (2020), "Revitalisasi Zakat Dan Wakaf Sebuah Solusi Kemiskinan Di Indonesia," *JURIS (Jurnal Ilmiah Syariah)*, Vol. 19, No. 1, 1-11.

Hal ini kerana menyalurkan hasil wakaf kepada ahli kerabatnya yang miskin bukan termasuk daripada ahli waris pewakaf merupakan sedekah yang diberikan pahala dan amalan yang disyukuri selama mana tujuan wakaf tersebut adalah menunaikan hajat serta memberi makan kepada orang yang kelaparan. Bahkan, kebanyakan fuqaha berpendapat bahawa wakaf dan bersedekah kepada kerabat yang fakir dan miskin adalah lebih utama. Ini dikuatkan lagi dengan catatan oleh Imam Abu Bakr Umar bin Ahmad al-Shaybani yang dikenali dengan al-Khassaf di dalam kitabnya yang bertajuk *Ahkam al-Awqaf*:

Aku bertanya jika seseorang menjadikan hartanya sebagai sedekah yang diwakafkan kepada para fakir miskin, kemudian anak-anaknya pewakaf itu sendiri dan kerabatnya memerlukan kepada harta tersebut, adakah boleh bagi mereka iaitu fakir miskin untuk memberikan juga hasil manfaat kepada anak-anak pewakaf dan kerabatnya juga? Kemudian dia (Abu Bakr) menjawab ya,<sup>5</sup> ini kerana mereka iaitu anak-anak pewakaf dan kerabatnya yang berhajat daripada mereka adalah termasuk orang yang fakir dan miskin. Tidakkah engkau melihat bahawa telah datang di dalam hadis yang bermaksud tidak diterima sedekah seseorang yang mempunyai kerabat rahimnya yang memerlukannya.

Oleh yang demikian, anak pewakaf dan kaum kerabatnya adalah lebih berhak untuk diberikan hasil manfaat daripada wakaf tersebut berbanding orang lain.<sup>6</sup>

Mazhab Imam Ahmad bin Hanbal dan lain-lain menjelaskan apabila wakaf tersebut diberikan kepada pihak yang terputus, kemudian golongan yang mendapat manfaat daripada wakaf tersebut terputus, maka wakaf tersebut akan kembali kepada ahli kerabat pewakaf yang paling dekat dengan pewakaf daripada golongan fakir. Seterusnya, wakaf tersebut akan diberikan kepada ahli kerabat yang terdekat kepada pewakaf daripada golongan yang miskin.<sup>7</sup> Ibn Qudamah menghuraikan bahawa wakaf tersebut disedekahkan kepada ahli keluarga kerabat apabila telah terputus golongan yang diwakafkan itu.<sup>8</sup> Demikian juga pendapat Imam Shafi'i berkenaan hal tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat periwayatan yang lain daripada Imam Ahmad berpendapat bahawa harta wakaf tersebut perlu diberikan kepada orang-orang miskin.<sup>9</sup>

Beberapa dalil menjelaskan pemberian sedekah atau wakaf tersebut kepada ahli kerabat pewakaf itu sendiri merupakan yang paling utama kerana merekalah orang yang paling berhak, sesuai dengan sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ صَدَقَتَكَ عَلَى الْمَسْكِينِ صَدَقَةٌ، وَإِنَّهَا عَلَى ذِي الرَّجْمِ اثْنَتَانِ صَدَقَةٌ وَصَلَةٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya sedekahmu itu terhadap orang miskin adalah mendapatkan pahala sedekah sahaja, dan sesungguhnya sedekahmu itu terhadap ahli kerabat yang mempunyai hubungan silaturrahim mendapat 2 pahala iaitu pahala sedekah dan pahala silaturrahim.”<sup>10</sup>

Berdasarkan hadis di atas, antara faktor seseorang itu bersedekah kepada ahli kerabat adalah kerana pertalian silaturrahim serta untuk memperkayakan mereka. Ini kerana mereka merupakan orang yang paling utama untuk diberikan sedekah dan bantuan perbelanjaan, termasuk sedekah yang berbentuk wakaf.

Sebilangan besar fuqaha daripada Mazhab Muktabarah berpendapat bahawa wakaf kepada ahli waris adalah dibenarkan. Ini kerana tidak terdapat istilah melarikan diri daripada hukum pembahagian harta secara *mirath* menerusi wakaf tersebut, sama ada bertepatan dengan peraturan pembahagian harta secara *mirath* atau tidak. Wakaf keluarga juga tidak boleh dianggap sebagai menghalang sebahagian ahli waris daripada mendapatkan bahagian mereka di dalam *mirath*. Ini kerana wakaf tersebut dianggap seperti hibah dan sedekah yang diserahkan secara langsung ketika pewakaf masih hidup. Apa yang dilakukan oleh pewakaf adalah masih mengekalkan kepemilikannya terhadap harta tersebut tanpa

<sup>5</sup> Ahmad bin ‘Amru al-Shibani al-Khassaf (t.t.), *Kitab Ahkam al-Awqaf*, Qahirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, h. 237.

<sup>6</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhāḍarāt fī al-Waqf*, h. 222.

<sup>7</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhāḍarāt fī al-Waqf*, h. 222.

<sup>8</sup> ‘Abd Allāh bin Ahmad Ibn Qudamah (1968), *al-Mughni*, vol. 6, Qahirah: Maktabah al-Qahirah.

<sup>9</sup> Abu Farāj ‘Abd al-Rahmān Ibn Qudamah (t.t.), *al-Sharh al-Kabir Ala Matn al-Muqni*, Jil. 6, Qahirah: Dar al-Kitab al-‘Arabi, h. 203.

<sup>10</sup> Abu Bakr Ahmad bin Husayn al-Bayhaqi (2003), *al-Sunan al-Kubra*, Jil. 7, Bayrut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 43, no. hadis 13222.

mempunyai perkaitan dengan hak ahli waris. Hukum ini hanya berbeza apabila pewakaf berada dalam *marad al-maut* yang akan melibatkan hukum khas berkaitan warisan di dalam peninggalan harta tersebut.<sup>11</sup>

Walaupun begitu, sebahagian ulama kontemporari pada masa kini seperti Sheikh Khallaf *Rahmatullah Alaih* berpendapat bahawa hanya wakaf *khayrī* yang terdapat pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat manakala wakaf keluarga tidak wujud hingga kurun ke-2 hijriyyah.<sup>12</sup> Akan tetapi, pendapat ini ditolak oleh Sheikh Muhammad Mustafa Shibli kerana hadis-hadis dan periwayatan telah membuktikan kewujudan pewakafan yang dikenali sebagai *khayrī* dan zurri semenjak awal peradaban Islam. Wakaf pertama yang dijadikan asas bagi perwakafan adalah wakaf yang dilakukan oleh Saidina Umar RA yang dibahagikan dalam bentuk kebajikan dan kepada ahli kerabat. Ini kerana Saidina Umar RA telah bersedekah kepada para fuqara', ahli kerabat, tetamu, dan *ibnu sabil* yang sesuai seperti yang dinyatakan dalam hadis-hadis berkaitan wakaf Saidina Umar RA dari kitab-kitab sunnah yang shahih.<sup>13</sup>

Hal ini dikuatkan lagi oleh Imam al-Zayla'i di dalam kitabnya *Nasb al-Rayah li Ahadis al-Hidayah* yang memetik kata-kata Abu Bakr 'Abd Allah bin Zubayr al-Humaydi:

Saidina Abu Bakar telah menyedekahkan (mewakafkan) rumahnya kepada anak-anaknya, dan masih sehingga sekarang. Begitu juga Saidina Umar RA telah menyedekahkan rumahnya dekat dengan Marwah dan juga jalan dekat bukit kepada anaknya dan ia masih ada sehingga sekarang. Begitu juga Saidina Ali RA telah sedekahkan tanah dan rumahnya yang berada di Mesir dan hartanya di Madinah kepada anak-anaknya dan ia masih sehingga sekarang. Begitu juga, Sa'ad bin Abi Waqqas telah menyedekahkan rumahnya di Madinah dan rumahnya yang di Mesir kepada anaknya dan ia masih terdapat sehingga sekarang. Begitu juga, Saidina Uthman RA sedekahkan perigi Romah dan ia masih ada sehingga sekarang. Begitu juga dengan Amru bin Ash telah sedekahkan tanahnya di Taif dan rumahnya di Makkah dan Madinah kepada anak-anaknya dan ia masih ada sehingga sekarang.<sup>14</sup>

Oleh itu, didapati bahawa wakaf keluarga telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Ini dikuatkan lagi dengan kisah wakaf yang dilakukan oleh Saidina Umar RA dan Abu Talhah serta amalan wakaf keluarga yang dilaksanakan oleh Saidina Abu Bakar, Saidina Ali, Saidina Uthman, Sa'ad bin Abi Waqqas, Amru bin 'Ash, dan sahabat-sahabat yang lain. Dengan ini, pendapat yang menyatakan bahawa wakaf keluarga tidak wujud melainkan pada kurun ke-2 Hijriyyah adalah tertolak. Manakala, pendapat yang menyatakan bahawa wakaf keluarga telah wujud pada awal peradaban Islam sejak kurun pertama lagi adalah diterima dan dijadikan pegangan dalam kajian ini.

## **Sejarah Perkembangan Wakaf Keluarga dalam Peradaban Islam**

### ***Zaman Rasulullah SAW dan Zaman Sahabat***

Sejarah pelaksanaan wakaf keluarga bermula pada abad pertama peradaban Islam oleh para sahabat Rasulullah SAW. Tokoh yang pertama melaksanakan wakaf keluarga ialah Saidina Umar RA. Berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar, Saidina Umar RA mendapat tanah di Khaibar dan menganggapnya sebagai harta yang paling disukai. Beliau merujuk kepada Rasulullah SAW tentang apa yang harus dilakukan terhadap harta tersebut. Rasulullah SAW kemudiannya memerintahkan Saidina Umar RA untuk mewakafkan tanah tersebut. Maka, Saidina Umar RA melaksanakan saranan tersebut dengan memberikan hasil manfaat tanah di Khaibar itu kepada fakir miskin, kaum kerabat terdekat, ibnu sabil, para tetamu, pembebasan budak, dan membuat kebaikan di jalan Allah SWT.<sup>15</sup>

<sup>11</sup> Abū Zahrah (1959), *Muḥāḍarāt fī al-Waqf*, h. 223.

<sup>12</sup> Muhammad Mustafa Shibli (1982), *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf*, Bayrut: Dar al-Jam'iyyah, h. 320.

<sup>13</sup> Shibli (1982), *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf*, h. 320.

<sup>14</sup> Jamal al-Din 'Abd Allāh bin Yusuf al-Zayla'i (t.t), *Nasb al-Rayah li al-Ahadith al-Hidayah*, Jeddah: Dar al-Qiblah li al-Thaqafah al-Islamiyyah, h. 478, no. 6191.

<sup>15</sup> Muslim Ibn al-Hajjaj al-Naysaburi (t.t), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasulillah SAW*, Bil. 1632, Jil. 3, Bayrut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, Bayrut, h. 1255.

Tokoh sahabat seterusnya yang melaksanakan wakaf keluarga ialah Abu Talhah. Berdasarkan periwayatan oleh Anas bin Malik RA, apabila turunnya ayat 92 Surah Ali-Imran yang bermaksud “kalian tidak akan pernah mendapat kebajikan yang sempurna sehingga kalian menginfakkan apa yang kalian suka daripada harta kalian,” Abu Talhah telah berjumpa dengan Rasulullah SAW dan menyatakan hasrat untuk menyedekahkan kebun kurma Bairuha’ kesayangannya ke jalan Allah SWT. Rasulullah SAW menganjurkan kepada Abu Thalbah supaya harta itu disedekahkan (diwakafkan) untuk kegunaan kaum kerabatnya. Beliau kemudiannya membahagikan manfaat harta tersebut kepada ahli keluarga, sepupu, dan kaum kerabatnya.<sup>16</sup>

Terdapat juga periwayatan tentang wakaf yang dilakukan oleh para sahabat yang lain. Antaranya, Zubair bin Awwam telah mewakafkan rumah kepada anak-anaknya yang menyebabkan harta wakaf itu tidak boleh dijual, diwarisi, atau dihibahkan. Beliau juga mensyaratkan untuk anak-anak perempuannya yang telah ditalaq supaya tinggal di rumah tersebut dalam keadaan tidak mendapat mudarat dan tidak memudaratkan yang lain. Tetapi sekiranya anak perempuannya itu sudah berkahwin dan mendapat suami, maka mereka tidak memiliki hak untuk tinggal di rumah tersebut lagi.<sup>17</sup>

Selain itu, diriwayatkan juga bahawa Saidina Abu Bakar al-Siddiq telah mewakafkan tiga buah rumah kepada anak-anak dan kaum kerabatnya. Rumah-rumah tersebut telah didiami oleh anak-anak dan cucu cicit Saidina Abu Bakar al-Siddiq serta keturunan beliau yang berada di kota Makkah dan mereka tidak saling mewariskan rumah tersebut. Hal ini kerana mereka menganggap rumah tersebut adalah sedekah yang diwakafkan dan tidak mahu mengubah status itu sesuai dengan niat dan keinginan Saidina Abu Bakar. Perkara ini dianggap menyamai keadaan wakaf dan rumah-rumah tersebut sangat terkenal di kota Makkah.<sup>18</sup>

Sebagaimana diriwayatkan oleh Khorijah bin Abdullah daripada Ibrahim bin Yahya, Zaid bin Tsabit telah mewakafkan rumahnya untuk anak-anak dan cucu-cucunya serta zuriat mereka dengan sedekah yang tidak boleh dijual beli, dihibahkan, dan diwarisi.<sup>19</sup> Begitu juga periwayatan daripada Aisyah binti Saad yang menyatakan bahawa ayahnya, Saad bin Abi Waqas, telah melakukan sedekah yang tidak boleh dijual beli, dihibah, atau diwarisi. Bagi anak-anak perempuannya yang telah ditalaq, mereka boleh tinggal di rumah tersebut dalam keadaan tidak mendapat mudarat dan tidak memudaratkan yang lain sehingga mereka mendirikan keluarga sendiri bersama suami mereka.<sup>20</sup>

Seterusnya, perwakafan yang dilakukan oleh Saidina Uthman bin Affan untuk anaknya yang bernama Aban bin Uthman telah diriwayatkan oleh Farwah bin Uzainah yang menyatakan bahawa dia telah melihat sebuah catatan daripada cucu Saidina Uthman bin Affan yang bernama Abdurrahman bin Aban bin Uthman. Catatan tersebut telah menukilkan kehendak Saidina Uthman bin Affan untuk menyedekahkan hartanya yang berada di Khaibar (yang dikenali sebagai harta Ibni Abi al-Haqiq) kepada anaknya Aban bin Uthman. Istilah yang digunakan dalam catatan tersebut adalah “sedekah yang terlepas daripada pemiliknya” semata-mata kerana Allah SWT yang membawa maksud bahawa Saidina Uthman telah mewakafkan harta tersebut kepada anaknya. Dinyatakan bahawa harta itu tidak boleh dijual selamanya, tidak boleh dihibahkan, serta tidak boleh diwariskan. Hal ini telah disaksikan oleh Saidina Ali bin Abi Thalib dan telah dicatat oleh Usamah bin Zaid.<sup>21</sup>

Begitu juga perwakafan yang dilaksanakan oleh Uqbah bin ‘Amir yang telah menyedekahkan rumahnya dengan menahan rumah tersebut daripada dijual, dihibahkan, mahupun diwarisi untuk anak-anak dan juga cucu-cucunya. Apabila mereka telah tiada, harta tersebut akan diberikan kepada keluarga terdekat sehingga Allah mewariskan bumi ini dan apa yang ada di atasnya.<sup>22</sup> Sama juga halnya dengan wakaf yang dilakukan oleh Uqbah bin Amir yang dikhabarkan oleh Muhammad bin Umar al-Waqidi daripada Abi Saad al-Juhni yang berkata “bahawasanya telah mempersaksikan kepadaku Uqbah bin Amir terhadap rumahnya yang dia sedekahkan secara wakaf yang tidak boleh dijual beli, dihibahkan, dan

<sup>16</sup> Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari (2001), *Sahih al-Bukhari*, Cet. Pertama, Bil. 1461, Jil. 2, n.p.p: Dar Tawq al-Najah, h. 119.

<sup>17</sup> Mustafa Ahmad al-Zarqa (1997), *Ahkam al-Waqf*, Cet. Pertama, Jordan: Dar ‘Ammar ‘Amman Jordan, h. 12-13.

<sup>18</sup> al-Khassaf (t.t.), *Kitab Ahkam al-Awqaf*, h. 5.

<sup>19</sup> al-Khassaf (t.t.), *Kitab Ahkam al-Awqaf*, h. 12.

<sup>20</sup> al-Khassaf (t.t.), *Kitab Ahkam al-Awqaf*, h. 14.

<sup>21</sup> Salah Muhammad Abu al-Hajj (2015), *al-Is‘af fi Ahkam al-Waqf li al-Imam al-Faqih Burhan al-Din Ibrahim bin Musa al-Tarabulsi al-Hanafi*, Cet. Pertama, Jordan: Dar al-Faruq, h. 72.

<sup>22</sup> Muhammad ‘Abd al-Rahim al-Khalid (1996), *Ahkam al-Waqf ‘Ala al-Dhurriyyah fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah Dirasatan Muqaranatan Ma‘a al-Tatbiq al-Qadai fi Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyyah*, n.p.p: Maktabah al-Malik Fahad al-Wataniyyah, h. 86.

tidak boleh diwariskan kepada anak-anaknya dan cucu-cucunya, dan apabila mereka semua telah tiada, maka dia mewakafkan kepada orang yang terdekat kepada dirinya sehingga ke hari kiamat”.<sup>23</sup>

Terdapat juga pewakafan yang dilakukan oleh isteri Rasulullah SAW, Saidatina Aishah RA, yang membeli sebuah rumah dan kemudiannya telah menulis sebuah catatan yang bermaksud “sesungguhnya aku telah membeli sebuah rumah dan aku menjadikan rumah ini untuk sesiapa yang aku beli untuknya, antaranya adalah untuk kediaman si fulan dan keturunannya sehingga orang yang terakhir daripada mereka dan tidaklah kediaman itu untuk keturunannya kemudian kediaman tersebut dikembalikan kepada keluarga Saidina Abu Bakar RA”.<sup>24</sup>

Daripada perkembangan sejarah dan tujuan perwakafan dalam Islam pada abad pertama, terdapat periwayatan ketika mana Saidina Umar RA mewakafkan tanahnya di Khaibar dengan petunjuk daripada Rasulullah SAW. Seorang sahabat berkata kepada Saidina Umar RA “sesungguhnya engkau telah menahan (mewakafkan) hartamu untuk kebaikan dan engkau berniat untuknya, namun saya merasa khawatir dan takut akan datang para lelaki mewakafkan harta mereka tidak seperti apa yang engkau wakafkan dan mereka tidak berniat seperti apa yang engkau niatkan malah mereka beralasan dengan perbuatan engkau dengan tujuan untuk memutuskan hukum harta warisan.” Maksud sahabat ini berkenaan wakaf Saidina Umar RA adalah kerisauan wakaf tersebut disalahgunakan sebagai perantara untuk menghalang sebahagian ahli waris yang berhak daripada harta peninggalan dalam warisan.<sup>25</sup>

### ***Zaman Pemerintahan Umawiyah***

Ketika Islam telah tersebar Negara Syam, Mesir, dan Afrika Utara, penduduk negara-negara tersebut sangat berminat dengan konsep wakaf sehingga mendorong mereka mewakafkan sebahagian harta mereka. Penduduk Mesir terutamanya berasa tenang dan tenteram dengan peraturan wakaf sehingga menyebabkan banyak harta mereka dijadikan harta wakaf. Hal ini mendorong kepada pengurusan yang khusus bagi memantau dan menjaga harta wakaf tersebut.<sup>26</sup> Sebahagian besar perwakafan di Negara Syam dan Mesir adalah untuk keturunan daripada anak-anak pewakaf dan cucu-cucunya.<sup>27</sup> Dengan kata lain, pewakafan yang dilaksanakan oleh penduduk Mesir ini lebih tertumpu kepada manfaat yang diberikan kepada ahli keluarga.

Pada zaman Umawiyah, Khalifah Hisham bin ‘Abd al-Malik telah menubuhkan Badan Pengurusan bagi Awqaf di Mesir.<sup>28</sup> Individu pertama yang melaksanakan tugas pengurusan wakaf di Mesir pada zaman itu adalah Taubah bin Numair sebagai Qadhi Mesir. Sebelum itu, wakaf-wakaf diletakkan dibawah kekuasaan penerima wakaf tersebut ataupun wasi (orang yang melaksanakan wasiat). Apabila Qadhi Taubah telah dilantik, beliau berpendapat bahawa semua wakaf tersebut hendaklah diberikan kepada para faqir dan miskin dan beliau akan melaksanakan penjagaannya terhadap harta wakaf tersebut bagi mengelakkannya daripada hilang dan berlaku pewarisan padanya.<sup>29</sup>

Pada tahun 118 Hijriyyah, Qadhi Taubah telah mewujudkan *Diwan* iaitu pejabat khusus bagi urusan-urusan pewakafan yang berasingan daripada pejabat-pejabat yang lain dan diletakkan dibawah penyeliaan Qadhi.<sup>30</sup> Qadhi juga mengarahkan untuk seluruh wakaf didaftarkan dalam *Sijil* (buku khusus untuk merekodkan pendaftaran wakaf) dengan tujuan untuk menjaga kepentingan pihak yang berhak daripada manfaat wakaf tersebut. *Diwan* juga dianggap sebagai permulaan rancangan pengaturan wakaf bukan hanya di Mesir bahkan hampir di seluruh negara Islam, termasuk penubuhan *Diwan* bagi urusan wakaf di Basrah semasa zaman Qadhi Taubah.<sup>31</sup>

### ***Zaman Pemerintahan Abbasiyyah***

Pada zaman pemerintahan Abbasiyyah, pengurusan *Dawawin* (himpunan buku-buku rekod pendaftaran) telah dilaksanakan dengan lebih teliti kerana mereka telah mendapat faedah daripada

<sup>23</sup> al-Khassaf (t.t.), *Kitab Ahkam al-Awqaf*, h. 15.

<sup>24</sup> Shibli (1982), *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf*, h. 322.

<sup>25</sup> ‘Abd al-Latif Muhammad ‘Amir (2006), *Ahkam al-Wasaya wa al-Waqf*, Cet. Pertama, Qaherah: Maktabah Wahbah, Qaherah, h. 204 & 205.

<sup>26</sup> Zaki al-Din Sh‘aban dan Ahmad al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah wa al-Mirath wa al-Waqf fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, Cet. Pertama, Kuwait: Maktabah al-Falah, h. 469.

<sup>27</sup> ‘Abd al-Latif Muhammad ‘Amir (2006), *Ahkam al-Wasaya wa al-Waqf*, h. 206.

<sup>28</sup> Mundhir ‘Abd al-Karim al-Qudah (2011), *Ahkam al-Waqf Dirasatan Qanuniyyatan Fiqhiyyahatan Muqaranatan Bayna al-Shari‘ah wa al-Qanun*, Cet. Pertama, Jordan: Dar al-Thaqafah, h. 33.

<sup>29</sup> Sh‘aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 469.

<sup>30</sup> Sh‘aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 470.

<sup>31</sup> ‘Akramah Sa‘id Sabri (2011), *al-Waqf al-Islami Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*, Cet. Ke-2, Jordan: Dar al-Nafais, h. 20.

perlaksanaan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran *Dawawin* pada zaman Umawiyah. Pada zaman ini juga, mereka lebih berpegang kepada senarai rekod dalam pendaftaran dan pendataan berbanding dengan lembaran-lembaran kertas yang terpisah pada zaman sebelumnya. Hal ini bagi tujuan dokumentasi dan penjagaan wakaf daripada hilang. Begitu juga dengan tujuan wakaf yang pelbagai pada zaman ini yang tidak hanya terbatas kepada kebajikan para faqir dan miskin bahkan untuk tujuan pendidikan, perbelanjaan untuk para penuntut ilmu, para pendidik, dan pekerja dalam sektor pendidikan, serta penubuhan perpustakaan ilmu, tempat perlindungan, serta kediaman bagi orang Islam.<sup>32</sup>

Zaman pemerintahan Abbasiyyah juga telah menyaksikan perkembangan dalam sektor pentadbiran wakaf. Pada zaman ini, pentadbir wakaf dikenali sebagai *Sadr al-Waqf* (sebagai rujukan dalam hal ehwal wakaf) yang berperanan sebagai penyelia dalam pentadbiran wakaf serta mengawal selia perwakafan.<sup>33</sup> Namun pada akhir zaman, pemerintahan Abbasiyyah kurang mengambil berat terhadap wakaf serta berlaku kezaliman dan penindasan terhadap pemilikan wakaf.<sup>34</sup>

### ***Zaman Pemerintahan Ayubiyah dan Mamalik***

Pada zaman pemerintahan Ayubiyah dan Mamalik, pewakafan menjadi semakin banyak dan meluas kawasannya sehingga menyebabkan sistem pewakafan terbahagi kepada tiga *Dawawin*: (1) *Diwan* pewakafan untuk masjid-masjid; (2) *Diwan* pewakafan untuk dua bidang tanah haram yang mulia iaitu Mekah dan Madinah bagi tujuan kebajikan yang pelbagai<sup>35</sup>; dan (3) *Diwan* pewakafan bagi wakaf keluarga.<sup>36</sup>

Beberapa pemimpin dan pemerintah di Mesir pada zaman pemerintahan Mamalik dan selainnya telah memanfaatkan harta wakaf untuk kepentingan mereka dan menguasai harta wakaf tersebut untuk menjadikan pemilikan mereka. Maka, al-Zahir Baibars telah memikirkan cara bagi kerajaan memiliki tanah-tanah tersebut dan mewajibkan cukai yang banyak di Mesir dan Syam disebabkan peperangan dengan Tatar dan para penjajah. Dalam keadaan ini, tanah-tanah tersebut telah menjadi keperluan kepada para Raja dan Sultan untuk memperolehi harta bagi tujuan peperangan. Dorongan dalam menghentikan aktiviti wakaf juga bertujuan untuk mencegah pengeksploitasian oleh para pemerintah dan sultan terhadap harta wakaf dan menundukkan kepentingan mereka yang khusus yang dilihat sebagai suatu kepentingan yang ringan.<sup>37</sup>

Kebanyakan pewakaf pada zaman itu adalah pemerintah Mamalik disebabkan tanah yang luas di Mesir dan Syam berada dalam kekuasaan mereka. Dalam masa yang sama, pergolakan yang berlaku di antara mereka menyebabkan pihak yang menang akan menguasai harta pihak yang kalah. Pada waktu itu, wakaf merupakan satu-satunya cara untuk melindungi harta dan menjaganya daripada disita dan dirampas.<sup>38</sup> Oleh itu, mereka telah mewakafkan tanah-tanah dan istana-istana untuk kegunaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, dan pelbagai bentuk kebajikan. Mereka juga meletakkan syarat yang memungkinkan mereka dan keturunan mereka untuk mendapatkan manfaat daripada harta yang diwakafkan tersebut.

### ***Zaman Empayar Turki Uthmaniyyah***

Pada zaman Empayar Uthmaniyyah, kebanyakan wakaf telah dilaksanakan secara tidak selaras dengan maksud asal wakaf iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui amal kebajikan dan kebaikan yang berkekalan. Perlaksanaan wakaf pada masa ini lebih menjurus kepada tujuan untuk menghalang sebahagian ahli waris dan juga anak-anak lelaki daripada anak-anak perempuan pewakaf serta membataskan manfaat daripadanya hanya untuk anak-anak kepada anak lelaki pewakaf.<sup>39</sup>

Oleh hal yang demikian, Sulaiman al-Qanuni selaku sultan Empayar Uthmaniyyah, telah merancang untuk menyelesaikan permasalahan berkaitan wakaf setelah menguasai Mesir dan Negara Syam. Beliau mensyaratkan wakaf untuk masjid dan tujuan kebajikan sebagai *Irsod* (penyerahan mana-mana tanah

<sup>32</sup> Akramah Sa'id Sabri (2011), *al-Waqf al-Islami Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*, h. 20 & 21.

<sup>33</sup> Akramah Sa'id Sabri (2011), *al-Waqf al-Islami Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*, h. 20.

<sup>34</sup> al-Qudah (2011), *Ahkam al-Waqf Dirasatan Qanuniyyatan*, h. 33.

<sup>35</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 470.

<sup>36</sup> al-Qudah (2011), *Ahkam al-Waqf Dirasatan Qanuniyyatan*, h. 33.

<sup>37</sup> Abd al-Latif Muhammad 'Amir (2006), *Ahkam al-Wasaya wa al-Waqf*, h. 207.

<sup>38</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 470.

<sup>39</sup> Abd al-Latif Muhammad 'Amir, *Ahkam al-Wasaya wa al-Waqf*, h. 206.

sebagai wakaf oleh mana-mana pihak berkuasa pemerintah) dan bukanlah wakaf secara mutlak. Maka, jika pemerintah yang berkuasa boleh melakukan perubahan padanya apabila mereka berpendapat sebahagian tempat penyaluran perbelanjaan lebih penting daripada apa yang diberikan oleh pemerintah dalam bentuk *Irsod*, tetapi Sulaiman membatalkan hasratnya dan mengekalkan harta wakaf itu sesuai dengan keadaannya.<sup>40</sup>

Ketika zaman pemerintahan Muhammad Ali, beliau telah merancang untuk menguasai semua tanah wakaf di Mesir dan berjanji untuk memberi perbelanjaan bagi keperluan masjid-masjid, sekolah-sekolah, serta tujuan kebajikan. Beliau juga ingin menghalang masyarakat daripada membuat apa-apa wakaf baru dan telah menghapuskan semua jenis wakaf. Bagi mendukung tindakannya agar sesuai dengan sandaran daripada Syariah Islam, Muhammad Ali mendakwa bahawa semua jenis wakaf pada masa itu hanyalah perantara untuk mempersenda asas dasar agama dalam kaedah pewarisan menurut Syarak. Beliau berhujah bahawa wakaf keluarga menjadi sebab hancurnya rumah-rumah dan memudahkan para pewakaf untuk lari daripada hutang.<sup>41</sup>

Muhammad Ali telah meminta fatwa daripada Mufti bermazhab Hanafi bernama Sheikh Muhammad Mahmud al-Jazayirli berkenaan pendapat beliau.<sup>42</sup> Mufti tersebut telah menjawab bahawa terdapat perselisihan pandangan antara para Imam mujtahid tentang wakaf. Antaranya adalah pandangan Abu Yusof yang mengambil pendekatan memudahkan seperti kesahan wakaf hanya sekadar pengucapan. Terdapat juga mujtahid yang bersifat sederhana seperti Muhammad bin Hasan yang berpendapat dengan mensyaratkan bagi kekalnya wakaf tersebut dan menjadi lazimnya hendaklah dengan menyerahkannya kepada mutawalli (pemegang amanah). Imam al-Sharakhsi pula berpandangan bahawa zahir periwayatan daripada Abu Hanifah menyatakan wakaf adalah batal<sup>43</sup> sama ada pewakaf mewakafkan dalam keadaan sihatnya ataupun dalam keadaan sakitnya melainkan apabila dia mewasiatkan dengan wakaf tersebut selepas kewafatannya, maka wakaf tersebut harus hukumnya dan hanya dibolehkan daripada 1/3 hartanya.<sup>44</sup> Ini kerana pada mulanya, wakaf telah disyariatkan kemudian dimansuhkan dengan ayat pewarisan.<sup>45</sup>

Mufti tersebut juga berpandangan bahawa adalah tidak harus melakukan wakaf apabila pemerintah mengeluarkan larangan untuk berwakaf dengan tujuan mencegah orang awam daripada mewakafkan harta mereka semata-mata dengan niat untuk mengelakkan pewarisan atau membayar hutang yang bercanggah dengan tujuan asal pensyariatkan wakaf. Sekiranya larangan wakaf yang dikeluarkan oleh pemerintah tersebut bertujuan mencegah kejahatan bagi maksud yang tidak baik sebagaimana dinyatakan, maka ianya dibolehkan berdasarkan kepada *al-siasah al-mar'iyah* (politik yang menjaga).<sup>46</sup>

Berdasarkan fatwa ini, Muhammad Ali telah mengeluarkan perintah larangan berwakaf pada 9 Rejab 1262 Hijriyyah dan perintah ini dilaksanakan dengan kuasanya yang mana pengadilan pada zaman itu terletak dibawah kekuasaan Sultan Kerajaan Uthmaniyyah<sup>47</sup>. Sungguhpun begitu, perintah ini tidak dapat menghalang wakaf kerana kebanyakkan masyarakat pada waktu itu tidak bersetuju dengan perintah tersebut dan menganggap ianya bertentangan dengan ajaran Islam yang menggalakkan untuk berbuat kebaikan dan kebajikan. Selain itu, masyarakat pada waktu itu tetap tegas dengan pendirian bahawa amalan wakaf keluarga boleh menyambung tali silaturrahim serta mengeratkan hubungan kekeluargaan. Mereka juga melihat wakaf sebagai amalan yang boleh memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan serta membantu mendirikan tempat ibadah, tempat menuntut ilmu, atau tempat industri. Bagi mereka, pewakaf yang menyalahgunakan tujuan berwakaf tidak boleh dijadikan asas untuk amalan wakaf dilarang oleh pemerintah secara keseluruhannya. Jalan penyelesaian yang terbaik adalah memperbaiki penyelewengan amalan berwakaf ini dengan dengan membatalkan wakaf-wakaf yang terbukti dibuat dengan niat yang tidak diharuskan oleh syarak. Tindakan ini pernah dilakukan oleh Khalifah Umar bin 'Abd al-Aziz apabila mendapati terdapat penyelewengan wakaf oleh sebahagian

<sup>40</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 470.

<sup>41</sup> Abd al-Latif Muhammad 'Amir, *Ahkam al-Wasaya wa al-Waqf*, h. 207.

<sup>42</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 471.

<sup>43</sup> Abd al-Latif Muhammad 'Amir (2006), *Ahkam al-Wasaya wa al-Waqf*, h. 208

<sup>44</sup> Zahir periwayatan daripada Abu Hanifah berkenaan wakaf hukumnya adalah tidak harus adalah maksudnya tidak lazim sebagaimana telah ditafsirkan oleh banyak Ulama antaranya Imam al-Sarakhsi dalam kitabnya Mabsut.

<sup>45</sup> Abū Zahrah (1959), *Muḥādarāt fī al-Waqf*, h. 30.

<sup>46</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 471.

<sup>47</sup> Abū Zahrah (1959), *Muḥādarāt fī al-Waqf*, h. 30.



masyarakat yang mengharamkan anak-anak perempuan mereka untuk mendapat manfaat daripada harta tersebut. Khalifah Umar Abd Aziz telah bertindak untuk membatalkan wakaf seumpama itu tetapi kewafatan beliau telah menghalangnya daripada melaksanakan keinginan tersebut.<sup>48</sup>

Oleh yang demikian, masyarakat pada waktu itu telah melakukan pelbagai helah untuk mengelak daripada pelaksanaan perintah larangan berwakaf tersebut. Ada antara mereka yang mendapatkan perlindungan kepada mahkamah di luar kawasan negeri yang masih dibawah naungan pemerintahan Muhammad Ali dan mewakafkan harta mereka di sana. Selain itu, ada juga antara mereka yang membuat pengakuan bahawa mereka telah mewakafkan sesuatu harta sebelum tarikh larangan yang dikeluarkan oleh pemerintah. Walau bagaimanapun, tempoh kelangsungan larangan wakaf tersebut tidaklah bertahan lama dan keadaan kembali kepada asal mula wakaf seperti biasa.<sup>49</sup> Hal ini kerana Muhammad Ali tidak mampu untuk berpegang teguh dengan pendiriannya apabila banyak pihak yang berkeinginan membuat wakaf dan kebanyakan mereka adalah pengikutnya dan ahli keluarganya.<sup>50</sup> Masyarakat pun mewakafkan harta mereka untuk keturunan dan ahli kerabat mereka dan kemudian setelah ketiadaan mereka semua, wakaf tersebut diserahkan manfaatnya untuk tujuan kebajikan umum. Ada juga sebahagian masyarakat yang mewakafkan harta mereka daripada awal lagi bagi tujuan kebajikan dan kebaktian untuk masyarakat umum.<sup>51</sup>

Semasa pemerintahan Muhammad Ali, para petani Mesir tidak memiliki tanah pertanian melainkan hanya bekerja dan berpenat lelah. Mereka juga tidak memiliki hak atas tanah itu dan tidak pula mempunyai hak untuk memanfaatkannya kerana pada waktu itu kesemua tanah pertanian di Mesir merupakan milik Muhammad Ali dan keluarganya. Ada juga tanah yang menjadi milik orang-orang yang mendapat penganugerahan daripadanya.<sup>52</sup>

Pada zaman pemerintahan al-Wali Sa'id pula, beliau telah berusaha untuk membaik pulih keadaan para petani Mesir dengan mengeluarkan perintah penganugerahan hak istimewa tanah pertanian yang bertarikh Ogos 1858 Masihi. Penganugerahan ini dilaksanakan dengan syarat bahawa pihak yang memegang dan mengelola setiap tanah tersebut tidak mempunyai hak milik melainkan hanya memperolehi hak manfaat sahaja. Walau bagaimanapun, mereka diberi hak untuk menjual atau menggadaikannya sebagaimana transaksi seorang pemilik sebenar walaupun mereka bukanlah pemilik sebenar.<sup>53</sup> Keadaan ini menyebabkan tanah-tanah wakaf berada dalam situasi yang membimbangkan bagi masyarakat umum Mesir kerana majoriti tanah-tanah yang berada dibawah jagaan mereka hanya dimiliki manfaatnya sahaja dan tidak pula mempunyai hak pemilikan ke atas tanah-tanah tersebut. Walaupun dibolehkan untuk melakukan penjualan dan penggadaian, itu tidak lain hanyalah berkaitan dengan hak manfaat.

Pada tarikh 15 April 1891, satu surat perintah telah dikeluarkan yang mengandungi penganugerahan pemilikan sempurna atas tanah-tanah dan wakaf dibolehkan untuk semua masyarakat dan tidak terbatas kepada kelompok tertentu sahaja. Ini menyebabkan banyak masyarakat melakukan wakaf untuk keturunan mereka. Walau bagaimanapun, ada yang melaksanakan wakaf dengan hasrat untuk mencegah sebahagian ahli waris daripada mendapat hak terhadap harta tersebut dan ada juga yang memberi bahagian yang lebih banyak daripada yang sepatutnya mereka berhak menurut kadar warisan yang sesuai dengan Syarak. Perkara tersebut telah menyebabkan perbezaan keadaan penerima manfaat wakaf antara senang dan menderita dan ada antara mereka yang berada dalam keadaan fakir tetapi terhalang daripada mendapat bahagian harta warisan yang sepatutnya mengikut Syarak. Ada antara mereka yang diperuntukkan bahagian yang melebihi daripada apa yang ditetapkan oleh Allah. Mereka yang diperuntukkan oleh ayah-ayah mereka cenderung untuk menghabiskan harta tersebut dengan bersenang-senang secara boros dan sia-sia sehingga mendorong mereka meminta pinjaman dengan kadar riba yang sangat tinggi apabila kehabisan harta. Begitu juga pemegang amanah wakaf yang memakan harta-harta wakaf dengan melampaui batas sehingga menyebabkan bahagian-bahagian pihak yang berhak telah diambil secara rampasan oleh *nazir* (penjaga wakaf) dan peminjam hutang riba.<sup>54</sup>

<sup>48</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 471.

<sup>49</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 472.

<sup>50</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhādarāt fi al-Waqf*, h. 30 & 31.

<sup>51</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 472.

<sup>52</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhādarāt fi al-Waqf*, h. 31.

<sup>53</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhādarāt fi al-Waqf*, 31.

<sup>54</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhādarāt fi al-Waqf*, h. 31.

Oleh itu, pihak kerajaan telah mengambil langkah untuk memelihara wakaf-wakaf yang telah diwakafkan oleh pemiliknya untuk tujuan kebajikan dan kebaikan umum secara khusus dan melindungi hak orang-orang yang berhak dalam wakaf keluarga.<sup>55</sup> Antara usaha yang diambil oleh kerajaan pada waktu itu adalah dengan menubuhkan *Diwan Waqf* (pejabat khusus wakaf) pada tahun 1895 Masihi. *Diwan Waqf* berperanan untuk mentadbir wakaf-wakaf yang telah disalurkan (wakaf *khayri*) atau akan disalurkan untuk kebajikan umum (wakaf *ahli*). Tiada syarat untuk pengawasan seorang pun pada wakaf tersebut dan mengurus wakaf-wakaf yang diletakkan oleh *Diwan Waqf* dalam pengawasan kehakiman, serta menyelia wakaf-wakaf yang dipindahkan dalam *Diwan Waqf*.<sup>56</sup>

### ***Zaman Pasca Kejatuhan Empayar Turki Uthmaniyyah dan Zaman Era Kerajaan Mesir***

*Diwan Waqf* kemudiannya bertukar menjadi sebuah kementerian berasaskan surat perintah yang dikeluarkan pada tarikh 20 November 1913 Masihi. Ketika itu, Syria bergabung dengan Mesir dan menjadi Republik Arab Bersatu, maka bidang kuasa kementerian ini secara keseluruhan mencakupi semua wakaf di 2 wilayah tersebut dan setiap wilayah memiliki pejabat pengurusan tersendiri. Walau bagaimanapun, status *Diwan Waqf* yang telah menjadi kementerian tidak menghapuskan permasalahan berkaitan pewakafan yang timbul sama ada yang menjejaskan ekonomi mahupun hubungan kemasyarakatan seperti peningkatan tahap pengangguran dan juga terjerumus dalam hutang yang besar.<sup>57</sup>

Oleh yang demikian, pada tahun 1926 Masihi, terdapat dorongan kuat di Dewan Parlimen yang menyuarakan keinginan mereka terhadap pemuliharaan bagi peraturan wakaf dan juga ada sebahagian mereka yang bersikap tegas dalam menyuarakan penghapusan wakaf. Hal ini kerana jawatankuasa wakaf di Parlimen berasa terkejut dengan jumlah hutang yang besar disebabkan hasil yang diperolehi oleh penerima manfaat wakaf jika dibandingkan dengan hutang mereka telah mencapai jutaan Jenih, sedangkan keseluruhan hasil yang berkaitan dengan hutang adalah sebanyak 1,220,000 dan adapun bahagian yang tidak ada kaitan dengan hutang hanyalah satu per enam sahaja. Kemudian, jawatankuasa wakaf telah memuktamadkan keputusannya dengan mengatakan bahawa pentadbiran kementerian wakaf terhadap kebanyakan harta wakaf ini adalah untuk kepentingan pemiutang dan tujuan pewakaf untuk melindungi anak-anak mereka daripada meminta-minta kepada orang lain adalah tidak tercapai disebabkan tindakan anak-anak mereka sendiri yang melepaskan apa yang mereka berhak disebabkan hutang ataupun meminjam hutang dengan faedah yang sangat tinggi dan juga menyebabkan banyak orang yang berhak daripada wakaf tersebut enggan mencari pendapatan daripada sumber yang lain selain hasil daripada wakaf tersebut.<sup>58</sup>

Disebabkan hal yang demikian, pelbagai debat dan seminar keilmuan telah diadakan berkenaan wakaf. Para penyokong bagi pemansuhan wakaf telah berhujah bahawa kesungguhan masyarakat dalam mewakafkan tanah-tanah pertanian boleh menjejaskan kekayaan pertanian negara. Wakaf tersebut diikat untuk memanfaatkan harta tersebut tetapi terbukti dengan penelitian bahawa pihak-pihak yang menguruskan hasil tanah tersebut tidak melaksanakannya dengan baik. Mereka juga berhujah bahawa kebanyakan wakaf keluarga telah menyebabkan pengangguran kerana pihak yang berhak mendapat manfaat itu merasa terjamin dengan rezeki yang mereka dapat dari hasil tanah wakaf itu setiap tahun sehingga menyebabkan mereka enggan bekerja dan hanya duduk tanpa memberi apa-apa manfaat dan faedah untuk kebaikan negara.<sup>59</sup>

Selain itu, mereka juga berhujah bahawa banyak para penerima manfaat telah kehilangan hak sama ada dimanipulasi oleh penjaga harta wakaf atau terjebak dengan pinjaman yang melibatkan faedah yang besar sehingga menyebabkan hasil tanaman mereka disita sebelum tiba tempoh menuai. Terdapat juga pertengkaran dalam kalangan para penjaga wakaf dan permasalahan pengadilan serta perselisihan berpanjangan di Mahkamah sehingga menyebabkan terputusnya ikatan kekeluargaan. Tambahan pula, terdapat beberapa wakaf yang telah melalui proses masa yang sangat panjang dan telah berpindah daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain sehingga menyebabkan pertambahan jumlah individu yang berhak menerima hasil wakaf tersebut dan dalam masa yang sama bahagian setiap mereka menjadi semakin sedikit. Jikalau orang yang berhak tersebut menjual bahagiannya yang sedikit dan

<sup>55</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 472.

<sup>56</sup> Abū Zahrah (1959), *Muḥādarāt fī al-Waqf*, h. 34.

<sup>57</sup> Abū Zahrah (1959), *Muḥādarāt fī al-Waqf*, h. 34.

<sup>58</sup> Abū Zahrah (1959), *Muḥādarāt fī al-Waqf*, h. 35.

<sup>59</sup> Abū Zahrah (1959), *Muḥādarāt fī al-Waqf*, h. 35-36.

mengambil hasil jualan tersebut sebagai modal untuk permulaan usahanya, maka dengan usaha yang gigih dia mampu untuk mendapat hasil yang jauh lebih besar daripada hasil wakaf tersebut. Begitu juga pengabaian terhadap penjagaan harta wakaf sama ada oleh penjaga wakaf atau orang yang berhak daripada wakaf tersebut kerana mereka hanya mengambil berat tentang hasilnya sahaja dan tidak pula peduli terhadap kelangsungan penjagaan wakaf.<sup>60</sup>

Perkara-perkara tersebut telah mendorong sebahagian pihak menuntut penghapusan wakaf secara keseluruhan, sebahagian pihak pula menuntut penghapusan wakaf keluarga, dan sebahagian pihak pula tidak berpihak kepada sesiapa dan hanya berada ditengah-tengah dengan mengajukan jalan penyelesaian untuk penambahbaikan. Antara cadangan dan saranan yang moderat adalah pembahagian hak pengawasan kepada para penerima manfaat wakaf yang berhak dengan cara setiap penerima yang berhak mengawasi bahagiannya ketika mana pewakaf telah mewakafkan hartanya. Apabila penerima yang berhak merupakan sekumpulan orang yang terhad, mereka boleh mengawasi bahagian mereka disertai jaminan untuk menjaga harta wakaf tersebut supaya dapat dimanfaatkan oleh individu selepas mereka. Terdapat juga cadangan untuk memudahkan urusan penggantian dengan prosedur tertentu supaya harta wakaf tersebut dapat berpindah dari satu pihak kepada pihak yang lain, boleh digantikan dengan perkara lain, dan berlaku transaksi seperti harta bukan wakaf. Selain itu juga, pemindaan terhadap hukum wakaf yang sedang berkuatkuasa perlulah dilakukan supaya dapat mencegah tujuan yang bermaksud menghalang pembahagian harta warisan agar tiada penindasan terhadap mana-mana ahli waris. Begitu juga keperluan peninjauan semula terhadap pensyaratan yang ditetapkan oleh pewakaf dan kuasa untuk mengubahnya apabila tidak menepati tujuan wakaf.<sup>61</sup>

Akhir sekali, terdapat cadangan untuk memberi perlindungan kepada pihak yang berhak mendapat manfaat wakaf keluarga daripada pihak pemberi hutang dengan kadar faedah yang tinggi. Justeru itu, kerajaan Mesir telah berusaha untuk melaksanakan cadangan daripada pihak yang mengambil jalan tengah dan menyegera dalam memberi perlindungan kepada pihak yang berhak terhadap wakaf keluarga daripada kadar faedah pemiutang dengan menggubal undang-undang yang melarang penyitaan pada hutang 120 Jenih atau kurang daripada itu. Berkaitan dengan kekurangan yang lain, kerajaan Mesir membuka penerimaan cadangan daripada pakar-pakar dalam bidang wakaf seperti para hakim yang berpengalaman. Pakar-pakar ini telah memberi cadangan yang sama dengan pihak yang mengambil jalan tengah dan pada masa yang sama menetapkan perlunya diadakan pengawasan tegas terhadap kewangan para *nazir* dalam tempoh tahunan dan bukan hanya berdasarkan aduan yang diajukan terhadap mereka.<sup>62</sup>

Pada tahun 1936 Masihi, jawatankuasa Hal Ehwal Keluarga telah dibentuk bagi membincangkan masalah serta undang-undang berkaitan perwarisan. Apabila tugas tersebut selesai pada tahun 1941, jawatankuasa ini kemudiannya membincangkan tentang wakaf dan wasiat serta segala perkara dibawah pengawasannya. Antara anggota jawatankuasa tersebut adalah al-Marhum al-Ustaz Ahmad Ibrahim. Usai merangka cadangan khusus berkaitan wakaf dan wasiat, jawatankuasa ini kemudian menerima perubahan dan penggantian oleh jawatankuasa-jawatankuasa di Parlimen dan Senat. Akhirnya, Undang-Undang No. 48 Tahun 1946 dikeluarkan khusus bagi pentadbiran wakaf dan sebahagian daripada undang-undang itu masih diguna pakai di Mesir sehingga sekarang.<sup>63</sup>

Walaupun Undang-Undang No. 48 Tahun 1946 bukanlah suatu undang-undang yang mengatur wakaf secara keseluruhan, ia berjaya menyelesaikan pelbagai permasalahan dan aduan masyarakat. Undang-undang ini juga tidak terikat dengan mana-mana mazhab tertentu, bahkan ia mengambil hukumnya daripada pelbagai mazhab dalam Islam yang boleh memberikan masalah dan menyelesaikan permasalahan dan aduan masyarakat. Undang-undang ini juga merangkumi beberapa pemindaan asas terhadap peraturan wakaf seperti membolehkan pewakaf menarik balik wakafnya selama mana dia masih hidup kecuali dalam pewakafan untuk masjid dan keperluannya. Selain itu, undang-undang ini telah menghapuskan konsep pengabdian wakaf dan membolehkan membataskan wakaf tersebut dengan tempoh waktu samada wakaf keluarga mahupun wakaf *khayri*, melainkan wakaf untuk masjid dan keperluannya dan ia disyaratkan wakaf padanya secara kekal.<sup>64</sup>

<sup>60</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhādarāt fi al-Waqf*, h. 36.

<sup>61</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhādarāt fi al-Waqf*, h. 34.

<sup>62</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhādarāt fi al-Waqf*, h. 37-38.

<sup>63</sup> Abū Zahrah (1959), *Muhādarāt fi al-Waqf*, h. 38.

<sup>64</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 475.

Undang-Undang No. 48 Tahun 1946 juga telah mengikat kebebasan pewakaf untuk mewakaf lebih daripada satu pertiga hartanya sebagaimana dalam wasiat bagi tujuan menjaga hak ahli waris dalam dua per tiga harta peninggalan samada wakaf tersebut dilaksanakan untuk tujuan kemaslahatan ahli waris mahupun bukan ahli waris. Undang-undang ini melindungi *Mauquf 'Alaihim* (para penerima manfaat yang berhak) daripada pensyaratan para pewakaf yang zalim, menghapuskan banyak pensyaratan yang melampau daripada para pewakaf, dan membataskan syarat daripada pewakaf kepada sepuluh syarat setelah dihukumkan sah syarat tersebut daripada pewakaf dan juga bagi sesiapa yang dilantik untuk menjaga wakaf itu dan selainnya.<sup>65</sup>

Pelaksanaan undang-undang ini berlanjutan sehingga Undang-Undang No. 180 Tahun 1952 dikeluarkan yang secara rasminya telah menghapuskan wakaf keluarga. Setiap penerima manfaat yang berhak daripada wakaf keluarga dianggap sebagai pemilik terhadap apa yang dia berhak daripada harta wakaf itu. Oleh itu, pelaksanaan hukum yang termaktub dalam undang-undang tersebut hanya terpakai untuk wakaf *khayrī* sahaja. Manakala, perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam undang-undang tersebut akan dirujuk kepada pendapat yang *rajih* (kuat) daripada Mazhab Hanafi sebagaimana dipraktikkan bagi Akta 280 dalam Peraturan Perintah Mahkamah Syariah Tahun 1931.<sup>66</sup>

### **Perkembangan Wakaf Keluarga di Beberapa Buah Negara Terpilih dan Malaysia**

Di Timur Tengah, terdapat perundangan semasa berkenaan wakaf secara umum dan juga perundangan khusus tentang wakaf keluarga. Mesir merupakan antara negara terawal yang mengeluarkan undang-undang wakaf yang diisytiharkan pada tahun 1946. Ini diikuti oleh negara-negara Arab lain yang mula memperuntukkan perundangan berkenaan wakaf akibat pengaruh perundangan wakaf Mesir seperti Jordan pada tahun 1947, Syria pada tahun 1949, Kuwait pada tahun 1951, Sudan pada tahun 1986, Qatar pada tahun 1996, Emirate Arab Bersatu pada tahun 1999, dan Kesultanan Oman pada tahun 2000.<sup>67</sup>

Di Mesir, terdapat beberapa rombakan pada peruntukan yang berkaitan dengan wakaf keluarga. Hal ini bermula apabila Parlimen Mesir diminta untuk menilai semula kepentingan wakaf keluarga ketika penetapan bajet bagi Kementerian Wakaf bagi tahun 1926-1927.<sup>68</sup> Ini membawa kepada Peruntukan Perundangan No (48) Tahun 1946 serta beberapa rombakan berkaitan wakaf keluarga seperti pemansuhan sifat kekal bagi wakaf keluarga, sebagaimana dinyatakan pada Akta 5 dimana wakaf selain wakaf *khayrī* (iaitu wakaf *zurri*) adalah bersifat sementara, tidak kekal, dan hanya terbatas kepada 2 generasi sahaja.<sup>69</sup> Perundangan yang menetapkan sifat sementara tersebut adalah tidak melebihi 60 tahun dan tidak melebihi 2 generasi.<sup>70</sup>

Di Syria, Resolusi No. 3339 telah dikeluarkan pada tahun 1930 dan menetapkan Akta 18 bahawa setiap wakaf yang terlaksana setelah resolusi ini diwartakan pada mana-mana tanah dibawah penjagaan pemerintah dianggap terbatal dan seolah-olah tidak terlaksana sama sekali. Menurut resolusi tersebut, hanya wakaf atas tanah yang dimiliki secara peribadi sahaja yang sah.<sup>71</sup> Oleh itu, setiap wakaf keluarga yang telah terlaksana pada tanah dibawah penjagaan pemerintah adalah terbatal. Walau bagaimanapun, wakaf keluarga yang terlaksana daripada harta tak alih milik peribadi adalah tetap sah dan berkekalan.

Iraq pula telah mengeluarkan ordinar yang membolehkan pengakhiran bagi wakaf keluarga. Ordinar ini telah dijelaskan pada Akta 3 Tahun 1955 dengan menyatakan pengakhiran bagi wakaf keluarga adalah dibolehkan dan ia dianggap sebagai hak bagi orang yang berhak daripada wakaf tersebut. Mereka boleh menuntut keatas harta tersebut pada bila-bila masa. Manakala, Akta 14 menyatakan apabila pewakaf masih hidup, maka berhak baginya untuk meminta kembali harta wakafnya melalui proses pemohonan yang dikemukakan kepada pihak mahkamah bagi mendapatkan perintah untuk membatalkan bukti wakaf tersebut dan mengembalikan harta *mawquf* ke dalam hak miliknya. Akta ini

<sup>65</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 475.

<sup>66</sup> Sh'aban dan al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah*, h. 476.

<sup>67</sup> Muhammad 'Abd al-Halim Umar (2004), *Muhadarah Tajribah Idarah al-Awqaf fi Jumhuriyyah Mesir al-'Arabiyyah*, Jeddah, Saudi Arabiyyah: al-Bank al-Islami li al-Tanmiyah, al-Ma'had al-Islami li al-Buhuth wa al-Tadrib, h. 22.

<sup>68</sup> Fadwa Arshid 'Ali al-'Alawin (2011), *al-Waqf al-Dhurry wa Tatbiqatuhu al-Mu'asirah Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*, 'Ammān: Jabatan Fiqh dan Usul Universiti Jordan, h. 90.

<sup>69</sup> al-'Alawin (2011), *al-Waqf al-Dhurry*, h. 91. Walau bagaimanapun, Akta ini telah dipinda dengan Akta 180 (1) Tahun 1952 yang menghapuskan wakaf selain *khayrī*.

<sup>70</sup> Muhammad 'Abd al-Halim Umar (2004), *Muhadarah Tajribah Idarah al-Awqaf fi Jumhuriyyah Mesir al-'Arabiyyah*, h. 5.

<sup>71</sup> Muhammad Wahid al-Din Suwar (1976-1977), *Sharh al-Qanun al-Madani wa al-Huquq al-'Ayniyyah wa al-Asliyyah*, Dimashq: Matba'ah Dar al-Hayah, h. 884.

membolehkan ia kembali kepada pewakafan dan merupakan praktik daripada pendapat Imam Abu Hanifah yang telah berpendapat dengan ketidaklaziman sesuatu wakaf.<sup>72</sup>

Di Lubnan, masalah pecah amanah dalam pengurusan wakaf keluarga didakwa menghalang pelaburan dan pemajuan sehingga menyebabkan kemerosotan aktiviti ekonomi. Semenjak tahun 1942, kerajaan Lubnan telah mengambil tindakan untuk memperbaiki wakaf keluarga dengan merujuk kepada negara-negara Arab yang berdekatan serta menggubal dan mewartakan perundangan pentadbiran wakaf keluarga pada tahun 1947<sup>73</sup> dengan isi kandungannya bertepatan dengan kandungan yang terdapat dalam perundangan Mesir No. 48 tahun 1946<sup>74</sup> iaitu pemansuhan sifat kekal dalam wakaf keluarga dan tidak dibenarkan melebihi dua generasi.<sup>75</sup> Kebebasan pewakaf turut disekat dengan larangan mewakafkan tidak melebihi satu per tiga daripada hartanya demi menjaga kepentingan ahli waris terhadap harta peninggalannya yang tersisa.<sup>76</sup>

Di Jordan, Perundangan Sivil Negara Jordan No. 43 Tahun 1976 merupakan perundangan yang menetapkan dan mengakui pensyariatkan wakaf keluarga.<sup>77</sup> Walau bagaimanapun, usulan pindaan Undang-Undang Wakaf dan Hal Ehwal serta Perkara yang dimuliakan oleh Islam No. 26 Tahun 1966 telah dikemukakan kepada barisan Kabinet atas faktor yang mengharuskan. Oleh yang demikian, keputusan No. 1/2/2/3484 telah dikeluarkan dengan merujuk kepada usulan tersebut yang membawa kepada Undang-Undang Wakaf dan Hal Ehwal serta Perkara yang dimuliakan oleh Islam No. 32 Tahun 2001. Akta 20 daripadanya telah memperuntukkan bahawa disyaratkan dalam wakaf keluarga supaya tidak bertentangan dengan hukum Mirath dalam Syariah Islamiyyah. Ini bagi mencegah wakaf keluarga yang dilakukan atas tujuan untuk memudaratkan ahli waris yang lain ataupun mengharamkan anak-anak perempuan daripada harta warisan.<sup>78</sup>

Di India, antara kes melibatkan wakaf keluarga yang terkenal dalam sejarah India adalah kes *Abdul Fata Mahommed Ishak (dan lain-lain) lawan Russomoy Dhur Chowdhry (dan lain-lain)*<sup>79</sup> yang melibatkan sebuah wakaf yang diasaskan pada tahun 1868 oleh dua saudara lelaki, Muhammad Abd al-Rahman dan Abd al-Qadir. Saudara lelaki pertama telah meminjam wang dari Russomoy Dhur Chaudri dan dia meletakkan beberapa tanah wakaf keluarga sebagai jaminan untuk hutang tersebut. Ketika dia gagal membayar pinjaman, pemiutang Hindu memperoleh keputusan Mahkamah yang membenarkan penyitaan tanah tersebut. Pada tahun 1889, Abd al-Fatah Muhammad Ishaq, anak saudara lelaki kedua, menuntut Russomoy Dhur Chaudri agar harta tanah yang digadaikan itu dikembalikan kepada wakaf. Ketika hakim Sylhet memutuskan untuk membela Abd al-Fatah, Russamoy merayu keputusan itu ke Mahkamah Tinggi Calcutta dimana pada tahun 1891, hakim memutuskan melawan Abd al-Fatah. Pendapat mahkamah, yang ditulis oleh E. J. Trevelyan, menyatakan bahawa wakaf itu hanya melayani kepentingan keluarga pengasas dan tidak memberikan sokongan besar untuk tujuan keagamaan atau amal, seperti yang disyaratkan oleh keputusan Majlis Privy dalam kes Shaikh Mahomed Ahsanulla.<sup>80</sup>

Kemudian, Abd al-Fatah telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Privy, yang memutuskan terhadapnya pada tahun 1894. Keputusan Majlis, yang ditulis oleh Lord Hobhouse, menekankan bahawa penghakiman Law Lords berdasarkan penghormatan mereka terhadap undang-undang Islam. Hobhouse mengulangi tuduhan bahawa pemilik Muslim menetapkan wakaf keluarga untuk menghindari kesan undang-undang warisan dan dia menegaskan bahawa wakaf keluarga harus dikenakan batasan yang sama dengan warisan, iaitu mereka tidak boleh melebihi sepertiga daripada aset bersih pengasas dan tidak boleh dibuat memihak kepada mana-mana orang yang akan mewarisi bahagian harta tanah. Keputusan Majlis Privy dalam Abdul Fata Mahomed Ishak menjadi panduan mengenai wakaf keluarga. Seterusnya, hakim-hakim Inggeris yang memeriksa sesuatu wakaf harus menerapkan standard yang ditetapkan oleh Law Lords dan tiada Mahkamah kerajaan Inggeris yang dapat mendukung wakaf keluarga Muslim.<sup>81</sup> Perkara ini boleh dilihat menerusi kes *Sheikh Muhammad*

<sup>72</sup> Muhammad Wahid al-Din Suwar (1976-1977), *Sharh al-Qamun al-Madani*, h. 92.

<sup>73</sup> Undang-undang Wakaf Zurri yang bertarikh 10 Mac 1947 dan diwartakan pada 12 Mac 1947.

<sup>74</sup> al-'Alawin (2011), *al-Waqf al-Dhurry*, h. 92.

<sup>75</sup> al-'Alawin (2011), *al-Waqf al-Dhurry*, h. 93.

<sup>76</sup> al-'Alawin (2011), *al-Waqf al-Dhurry*, h. 93.

<sup>77</sup> al-'Alawin (2011), *al-Waqf al-Dhurry*, h. 88.

<sup>78</sup> al-'Alawin (2011), *al-Waqf al-Dhurry*, h. 89.

<sup>79</sup> Abdul Fata Mahomed Ishak lawan Russomoy Dhur Chowdry (1894), L.R 22 I.A. 76.

<sup>80</sup> David S. Powers (1989), "Orientalism, Colonialism, and Legal History: The Attack on Muslim Family Endowments in Algeria and India," *Society for Comparative Study of Society and History*, Jil. 31, Bil. 3, h. 559-560.

<sup>81</sup> Powers (1989), "Orientalism, Colonialism, and Legal History," h. 560.

*Ahsanullah Chowdhry lawan Amarchand Kundu*<sup>82</sup> yang dinyatakan bahawa wakaf untuk kepentingan keluarga, anak-anak, dan keturunan peneroka serta untuk amal hanya akan berlaku jika ada pengabdian harta yang besar bagi keperluan amal pada suatu jangka waktu atau yang lain.<sup>83</sup>

Dalam kes *Mujibinissa lawan Abdul Rahim*,<sup>84</sup> Lord Robertson menyimpulkan bahawa wakaf akan dianggap sah jika kesan dari perbuatan tersebut adalah memberikan harta dari segi kegunaan amal dan tidaklah dianggap sah sekiranya kesannya adalah menyerahkan harta benda itu untuk kebajikan bagi keluarga pewakaf. Dalam kes 1951, *Fatuma binte Mohamed bin Salim lawan Mohamed bin Salim*,<sup>85</sup> Majlis Privy sekali lagi menegaskan keputusannya pada tahun 1894 mengenai kes *Abdulfata* yang terkenal bahawa ruang lingkup keputusan itu tidak hanya terbatas di India.<sup>86</sup> Namun begitu, masyarakat Islam melancarkan pergolakan yang kuat sehingga akhirnya berjaya mendapatkan Akta Pengesahan Wakaf Mussalman (*Mussalman Wakf Validating Act*) 1913 dari badan perundangan. Undang-undang tersebut memungkinkan seorang India Muslim untuk membuat wakaf dalam tempoh waktu yang tidak terbatas untuk tujuan pemeliharaan dan dukungan sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada keluarga, anak-anak, atau keturunannya, dengan syarat faedah utama diberikan secara tersurat atau tersirat kepada orang miskin atau untuk tujuan lain yang diakui oleh undang-undang Islam sebagai keagamaan, ketakwaan, atau kebajikan.<sup>87</sup>

Hal demikian juga berlaku di Malaysia bagi Kes *Haji Embong b. Ibrahim dan lain-lain lawan Tengku Nik Maimunah Hajjah Binte Almarhum Sultan Zainal Abidin*<sup>88</sup>. Mahkamah Persekutuan memutuskan berkenaan kesahihan wakaf yang dibuat oleh Tengku Nik Maimunah yang memihak kepada benefisiari yang terdiri daripada ahli keluarganya daripada saudara lelaki dan perempuannya, anak saudara perempuan dan anak-anak mereka, empat anak perempuan angkatnya, dua orang yang tiada hubungan pertalian darah dengannya, perkara keagamaan, ketaatan, dan kebajikan. Salleh Abas F. J. memberikan penghakiman kepada Mahkamah Persekutuan tetapi malangnya Mahkamah Persekutuan memilih untuk mengikut keputusan awalnya seperti dalam kes *Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam lawan Tengku Mariam*<sup>89</sup> dan berpendapat bahawa ia harus mengikut keputusan Majlis Privy dari India yang berpendapat demikian bahawa wakaf untuk kepentingan keluarga, anak-anak, dan keturunan pewakaf dan untuk amal hanya akan berlaku jika ada pengabdian harta yang besar untuk keperluan amal pada suatu jangka waktu atau yang lain dan tidak boleh jika tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan keluarga pewakaf.<sup>90</sup>

Wakaf keluarga telah wujud di Malaysia semenjak sebelum kemerdekaan lagi; akan tetapi, pelaksanaannya tidak menyeluruh di semua negeri di Malaysia. Sebelum kemerdekaan, semua harta wakaf sama ada wakaf *khayrī* mahupun wakaf *ahli* telah diserahkan kepada pemegang amanah yang dipercayai dalam kalangan masyarakat seperti Tok Imam, Tok Guru, dan pemuka-pemuka agama ketika itu. Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, semua Hal Ehwal Pentadbiran Agama Islam diletakkan dibawah bidang kuasa Negeri-Negeri seperti yang dinyatakan dalam Senarai Negeri, Senarai II, Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan. Ini memberikan kuasa kepada Negeri-Negeri bagi menubuhkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan menggubal Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (EPAIN) sebagai kuasa perundangan yang mengawal perkara-perkara yang berkaitan hal ehwal Islam di negeri masing-masing, termasuklah dalam perkara wakaf.

Walau bagaimanapun, tidak terdapat sebarang peruntukan wakaf keluarga di bawah enakmen pentadbiran agama Islam negeri seperti Wilayah-Wilayah Persekutuan, Johor, Pulau Pinang, Perlis, Pahang, Kedah, Kelantan, Sabah, dan Sarawak. Manakala, negeri-negeri seperti Selangor, Terengganu, Perak, Melaka, dan Negeri Sembilan mempunyai peruntukan berkaitan wakaf keluarga di bawah enakmen wakaf yang telah digubal di negeri-negeri tersebut. Di Perak, wakaf keluarga dinyatakan secara jelas dengan istilah wakaf *ahli* dalam Bahagian 2 Pewujudan Wakaf Seksyen 10 Subseksyen 1

<sup>82</sup> Sheikh Muhammad Ahsanullah Chowdhry lawan Amarchand Kundu (1889), L.R 17 I.A 28.

<sup>83</sup> Murat Cizakca (2008), "The British Legislation in Malaya and Its Impact upon the Malaysian Waqf System," Kertas kerja persidangan, The Second Harvard Conference: "Law of Waqf, Modern State Control and Nationalization," Harvard Law School, 16-18 May 2008, h. 3-4.

<sup>84</sup> *Mujibinissa lawan Abdul Rahim* L.R 28 I.A.

<sup>85</sup> *Fatuma binte Mohamed bin Salim lawan Mohamed bin Salim* (1951), A.C. 1.

<sup>86</sup> Cizakca (2008), "The British Legislation in Malaya," h. 4.

<sup>87</sup> Danial Latifi (1972), "Law of Family Waqfs: Need for A Reconsideration," Kertas kerja persidangan, Seminar on Islamic Law in Modern India, Indian Law Institute, New Delhi, 14-16 January 1972, h. 229.

<sup>88</sup> *Haji Embong lawan Tengku Nik Maimunah* (1980), 1 M.L.J 286.

<sup>89</sup> *Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Islam lawan Tengku Mariam* (1970), 1 M.L.J 222.

<sup>90</sup> Cizakca (2008), "The British Legislation in Malaya," h. 3-4.

dan 2 (a). Manakala, pelaksanaan wakaf keluarga di Selangor dan Terengganu merujuk kepada istilah wakaf kepada waris yang diperuntukkan dibawah Seksyen 31 berkenaan wakaf kepada waris di Selangor dan Seksyen 35 wakaf kepada waris di Terengganu. Berdasarkan kepada negeri-negeri yang mempunyai enakmen wakaf seperti Selangor, Terengganu, Perak, Melaka, dan Negeri Sembilan, bahawa terdapat beberapa isu yang membabitkan pelaksanaan wakaf keluarga yang melibatkan aspek pengurusan dan pentadbiran, pendanaan dan pembangunan, penerimaan Majlis Agama Islam Negeri terhadap wakaf keluarga, dan isu daripada kalangan waris.

## **Kesimpulan**

Wakaf keluarga telah melalui perkembangannya yang tersendiri dalam sejarah ketamadunan umat Islam. Amalan berwakaf kepada ahli keluarga adalah bukan sesuatu yang asing telah dipraktiskan oleh orang Islam. Ini dapat diteliti sejak zaman Rasulullah SAW hingga ke zaman para sahabat seperti Khalifah Saidina Abu Bakar al-Siddiq, Khalifah Saidina Umar bin Khattab, Khalifah Saidina Uthman bin Affan, Khalifah Saidina Ali bin Abi Thalib, dan Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Perkembangan ini seterusnya berlaku sehingga ke zaman Umawiyah, Abbasiyah, Ayubiyah dan Mamalik, kerajaan Uthmaniyyah, sehingga ke zaman moden terkini. Dakwaan sebahagian Ulama' kontemporari seperti Syeikh Khallaf dan juga Syeikh Abu Zahrah *Rahmatullah Alaihim* yang mengatakan bahawa wakaf keluarga tidak pernah wujud pada zaman pensyariaan perundangan Islam sehingga membolehkan mereka untuk menghapuskan wakaf keluarga daripada dilaksanakan adalah tidak tepat dan tidak dapat dijadikan pegangan. Walau bagaimanapun, kedudukan dan fungsi wakaf keluarga telah mengalami era yang mencabar disebabkan oleh penyalahgunaan para pewakaf itu sendiri sehingga mendapat kritikan yang hebat daripada masyarakat Mesir ketika itu. Ini memaksa pihak berkuasa untuk mengambil tindakan dalam penggubalan undang-undang pada pertengahan abad ke-20 dan setelah beberapa tahun kemudian wakaf keluarga secara rasminya telah dihapuskan di Mesir. Akan tetapi, amalan wakaf keluarga tetap diamalkan secara menyeluruh di kebanyakan dunia Islam yang lain sehingga ke hari ini termasuk di Malaysia.

## **Rujukan**

- 'Abd Allāh bin Ahmad Ibn Qudamah (1968), *al-Mughni*, Jil. 6, Qahirah: Maktabah al-Qahirah.
- 'Abd al-Latif Muhammad 'Amir (2006), *Ahkam al-Wasaya wa al-Waqf*, Cet. Pertama, Qaherah: Maktabah Wahbah, Qaherah.
- 'Akramah Sa'id Sabri (2011), *al-Waqf al-Islami Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*, Cet. Kedua, Jordan: Dar al-Nafais.
- Abu Bakr Ahmad bin Husayn al-Bayhaqi (2003), *al-Sunan al-Kubra*, Jil. 7, Bayrut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Farāj 'Abd al-Rahmān Ibn Qudamah (t.t), *al-Sharh al-Kabir Ala Matn al-Muqni'*, Jil. 6, Qahirah: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ahmad bin 'Amru al-Shibani al-Khassaf (t.t.), *Kitab Ahkam al-Awqāf*, Qahirah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Danial Latifi (1972), "Law of Family Waqfs: Need for A Reconsideration," Kertas kerja persidangan, Seminar on Islamic Law in Modern India, Indian Law Institute, New Delhi, 14-16 January 1972.
- Fadwa Arshid 'Ali al-'Alawin (2011), *al-Waqf al-Dhurry wa Tatbiqatuhu al-Mu'asirah Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*, 'Ammān: Jabatan Fiqh dan Usul Universiti Jordan.
- Iska, S. (2020), "Revitalisasi Zakat dan Wakaf Sebuah Solusi Kemiskinan di Indonesia," *JURIS (Jurnal Ilmiah Syariah)*, Vol. 19, No. 1, 1-11.
- Jamal al-Din 'Abd Allāh bin Yusuf al-Zayla'i (t.t), *Nasb al-Rayah li al-Ahadith al-Hidayah*, Jeddah: Dar al-Qiblah li al-Thaqafah al-Islamiyyah.

Muhammad ‘Abd al-Halim Umar (2004), *Muhadarah Tajribah Idarah al-Awqaf fi Jumhuriyyah Mesir al-‘Arabiyyah*, Jeddah, Saudi Arabiyyah: al-Bank al-Islami li al-Tanmiyah, al-Ma’had al-Islami li al-Buhuth wa al-Tadrib.

Muhammad ‘Abd al-Rahim al-Khalid (1996), *Ahkam al-Waqf ‘Ala al-Dhurriyyah fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah Dirasatan Muqaranatan Ma’a al-Tatbiq al-Qadai fi Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyyah*, n.p.p: Maktabah al-Malik Fahad al-Wataniyyah.

Muhammad Abū Zahrah (1959), *Muhāḍarāt fi al-Waqf*, t.t.p.: Maṭba‘ah Aḥmad.

Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari (2001), *Sahih al-Bukhari*, Cet. Pertama, Jil. 2, n.p.p: Dar Tawq al-Najah.

Muhammad Mustafa Shibli (1982), *Ahkam al-Wasaya wa al-Awqaf*, Bayrut: Dar al-Jam‘iyyah.

Muhammad Wahid al-Din Suwar (1976-1977), *Sharh al-Qanun al-Madani wa al-Huquq al-‘Ayniyyah wa al-Asliyyah*, Dimashq: Matba‘ah Dar al-Hayah.

Mundhir ‘Abd al-Karim al-Qudah (2011), *Ahkam al-Waqf Dirasatan Qanuniyyatan Fiqhiyyahatan Muqaranatan Bayna al-Shari‘ah wa al-Qanun*, Cet. Pertama, Jordan: Dar al-Thaqafah.

Murat Cizakca (2008), “The British Legislation in Malaya and Its Impact upon the Malaysian Waqf System,” Kertas kerja persidangan, the Second Harvard Conference: “Law of Waqf, Modern State Control and Nationalization,” Harvard Law School, 16-18 May 2008.

Muslim Ibn al-Hajjaj al-Naysaburi (t.t), *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-‘Adl ‘An al-‘Adl Ila Rasulillah SAW*, Bayrut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Mustafa Ahmad al-Zarqa (1997), *Ahkam al-Waqf*, Cet. Pertama, Jordan: Dar ‘Ammar ‘Amman Jordan.

Powers, David S. (1989), “Orientalism, Colonialism, and Legal History: The Attack on Muslim Family Endowments in Algeria and India,” *Society for Comparative Study of Society and History*, Jil. 31, Bil. 3, 535-571.

Salah Muhammad Abu al-Hajj (2015), *al-Is‘af fi Ahkam al-Waqf li al-Imam al-Faqih Burhan al-Din Ibrahim bin Musa al-Tarabulsi al-Hanafi*, Cet. Pertama, Jordan: Dar al-Faruq.

Zaki al-Din Sh‘aban dan Ahmad al-Ghandur (1984), *Ahkam al-Wasiyyah wa al-Mirath wa al-Waqf fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, Cet. Pertama, Kuwait: Maktabah al-Falah.